

Lelaki bunuh kucing dipenjara 11 bulan

KUCHING: Seorang lelaki berusia 38 tahun dijatuhi hukuman penjara 11 bulan oleh Mahkamah Majistret di sini kerana melakukan khianat dengan membunuh seekor kucing yang sedang tidur menggunakan sebatang kayu di sebuah kedai dobi layan diri.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali menjatuhkan hukuman itu terhadap Shaifulnizam Abdul Rahman@Latip, yang pada awalnya mengaku tidak bersalah namun menukar pengakuannya kepada bersalah semalam.

Shaifulnizam didakwa mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah kedai dobi 24 jam di Jalan Astana di sini kira-kira 12.17 tengah hari pada 30 Disember 2025.

Berdasarkan fakta kes, seorang individu membuat laporan polis selepas melihat satu video di Facebook yang memaparkan seorang lelaki memukul seekor kucing yang sedang tidur berulang kali

menggunakan kayu sehingga mati di premis berkenaan.

Susulan laporan itu, tertuduh akhirnya ditahan pada 1 Januari 2026.

Siasatan mendapati kejadian tersebut dirakam dengan jelas menerusi kamera litar tertutup (CCTV).

Seorang saksi turut melihat kucing itu dibunuh dan kemudian membantu tertuduh menanam bangkai haiwan berkenaan.

Tertuduh melakukan perbuatan tersebut kerana tidak berpuas hati selepas seekor kucing di kawasan berhampiran menggigitnya.